

D017

U B858 AAB

MAHATHIR - MCA R R R

1985

KUALA LUMPUR, 20 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENAFIKAN LAPORAN-LAPORAN AKHBAR KONONNYA BELIAU TELAH MENGARAHKAN PEMANGKU PRESIDEN MCA, DATUK DR. NEO YEE PAN DAN ENCIK TAN KHOON SWAN MELETAKKAN JAWATAN MASING-MASING SEBAGAI USAHA UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS DALAM PARTI ITU.

+SAYA TIDAK PERNAH MEMINTA MEREKA BERBUAT DEMIKIAN. MUNGKIN ADA PIHAK-PIHAK LAIN YANG BERBUAT DEMIKIAN, TETAPI BUKAN DARIPADA SAYA,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SELAMA LIMA JAM MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBUPEJABAT PARTI ITU DI SINI.

LAPORAN MENGENAI ARAHAN PERDANA MENTERI ITU MULA DISIARKAN OLEH SEBUAH AKHBAR BERBAHASA CINA PADA HARI RABU DAN DISUSULI OLEH LAPORAN DALAM AKHBAR-AKHBAR LAIN DENGAN MENYEBUT DATUK SERI DR. MAHATHIR DIJANGKA MEMBUAT SATU PENGUMUMAN PENTING MENGENAI PERKARA ITU SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI.

BAGAIMANAPUN BELIAU MENYATAKAN BAHAWA HAMPIR DUA SETENGAH JAM PERBINCANGAN HARI INI TERTUMPU KEPADA PERTIKAIAN DALAM MCA DAN KESAN-KESANNYA KEPADA BARISAN NASIONAL DAN UMNO SENDIRI.

KATANYA PERBINCANGAN ITU MEMAKAN MASA YANG PANJANG KERANA SETIAP ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI INGIN MENYUARAKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT MASING-MASING MENGENAI KRISIS ITU. -- LAGI.

2134MST 20 07 85

MAHATHIR - MCA 2 KUALA LUMPUR

+ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI MEMPUNYAI PENDAPAT DAN PANDANGAN YANG BERBEZA DAN PERBINCANGAN INI TELAH MEMBOLEHKAN KAMI BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN DALAM ISU KRISIS MCA.

+TANPA BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN, MUNGKIN SAYA MENGANGGAP FIKIRAN SAYA SAHAJA YANG BETUL DALAM PERKARA INI,+ UJAR DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENEGASKAN BAHAWA MAJLIS TERTINGGI TIDAK MEMBUAT SEBARANG PENDIRIAN TENTANG PERTIKAIAN MCA ITU.

INI IALAH KERANA PARA ANGGOTA MT HANYA MEMBINCANGKAN KESAN PERBALAHAN ANTARA PUAH DATUK DR NEO DAN ENCIK TAN KEPADA BARISAN NASIONAL DAN UMNO DAN TIDAK MENUMPU PERHATIAN KEPADA MASALAH DALAM PARTI ITU; JELAS DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PENGERUSI BARISAN NASIONAL.

BELIAU JUGA MENEGASKAN PENTINGNYA UMNO, SEBAGAI RAKAN UTAMA BN, UNTUK MEMBERI PERHATIAN TERHADAP KESAN-KESAN YANG MUNGKIN TIMBUL DARIPADA MASALAH-MASALAH YANG BERBANGKIT DARIPADA PERBALAHAN ITU. -- LAGI.

2151MST 20 07 85

MAHATHIR - MCA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA APA YANG DIPERKATAKANNYA DAN SEBARANG PENJELASAN TIDAK AKAN DAPAT MENGHAPUSKAN SEGALA KHABAR ANGIN MENGENAI PERTIKAIAN DALAM MCA.

+SAYA TIDAK DAPAT MENGHENTIKAN KHABAR-KHABAR ANGIN. ORANG RAMAI SENDIRI PERLU MENGHENTIKAN DARIPADA MENYEBAR KHABAR-KHABAR ANGIN DAN JANGAN MENDENGARNYA,+ KATA BELIAU KETIKA DITANYA SAMA ADA PENAFIANNYA ITU AKAN MELENYAPKAN KHABAR-KHABAR ANGIN.

DITANYA MENGAPA MAJLIS TERTINGGI UMNO PERLU MENYELESAIKAN SEGALA PERKARA DALAM MESYUARAT HARI INI JUGA DAN TIDAK TUNGGU SEHINGGA MESYUARAT BULAN HADAPAN, BELIAU BERKATA MESYUARAT INI MERUPAKAN SAMBUNGAN KEPADA MESYUARAT YANG SAMA SEMINGGU LALU.

DALAM MESYUARAT HARI INI, TIMBALAN PRESIDEN UMNO YANG JUGA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM, TERPAKSA MENINGGALKAN MESYUARAT LEBIH AWAL KERANA BELIAU MEMPUNYAI ATURCARA YANG TELAH DITETAPKAN PADA MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH DIAPIT OLEH SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK SERI SANUSI JUNID DAN NAIB PRESIDEN UMNO, ENCIK GHAFAR BABA, YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Sementara Menyelesaikan Masalah Keanggotaan Parti MCA, DALAM SIDANG AKHBARNYA. -- BERNAMA.

2203MST 20 07 85